

Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia kepada Dr.Fariza Khalid dan dr.Siti Fatimah Binti Mohd Yassin serta rakan-rakan yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah,Saya diberi peluang untuk menyelesaikan tugas ke 2 pada minggu ke 3 ini dengan bantuan carian di engine google dan rakan-rakan saya berjaya menyiapkan tugas kedua ini dengan sempurna.

Pada pemahaman saya, Sistem Pengurusan Pembelajaran adalah atau lebih dikenali sebagai Learning Management System(LMS) merupakan sebuah aplikasi perisian untuk pentadbiran,dokumentasi dan laporan program latihan,kelas serta aktiviti dalam talian,e-learning program dan kadar latihan.LMS merupakan satu projek yang dirintis berdasarkan kerjasama di antara Kementerian Pelajaran Malaysia(KPM) dan MAMPU. MAMPU telah merintis LMS di bawah inisiatif Open Source Software(OSS). LMS boleh dibahagikan kepada dua kategori,iaitu proprietary dan open source. Contoh LMS proprietary yang biasa digunakan adalah Blackboard manakala contoh bagi LMS open source pula ialah Moodle yang popular dan digunakan secara meluas kerana ia adalah percuma dan boleh di ubah suai.LMS misalnya,merupakan sistem pengurusan pegajaran dan pembelajaran interaktif.LMS di universiti berasaskan web pintar kursus dalam penyampaian enjin yang menggunakan multimedia untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang menyokong multimedia bahan-bahan pembelajaran.Sebagai contoh aplikasi untuk LMS adalah i-folio,OpenLMS,Olat,Atutor,moodle dan adope captive.

Selain itu, CMS(Course Management System) adalah program komputer yang membolehkan pengguna membuat penerbitan, penyuntingan dan mengubah kandungan di laman web. Hal ini kerana ia direka untuk menyokong kursus pendidikan atau akademik dan juga membolehkan pengajar untuk mewujudkan sebuah laman web kursus, di mana dokumen boleh dimuat naik dalam format popular seperti 'Word' atau 'PowerPoint'.

CMS berfungsi untuk meletakkan bahan-bahan kursus secara dalam talian seperti salinan bacaan dan slaid PowerPoint dari kuliah. Selain itu, ia digunakan sebagai medium menilai kemajuan pelajar dengan cara pengajar memberi kuiz dan ujian secara dalam talian dan sebuah buku dalam talian gred, di mana pengajar boleh mengepos gred pelajar. Di samping itu, ia boleh digunakan sebagai tapak perbincangan diantara pengajar dan pelajar untuk membincangkan sesuatu perkara. Yang terakhir ialah CMS sebagai alat komunikasi dengan cara pengajar menghantar pengumuman kepada kelas da berinteraksi dengan pelajar secara individu. Aplikasi yang digunakan ialah Drupal, Joomla dan Wordpress.

Disini saya berikan perbezaan LMS dan CMS ialah perbezaan pertama, LMS berfungsi sebagai pusat pengumpul maklumat pentadbiran yang menggunakan sistem layan diri serta berfungsi sebagai

penyampai ilmu di dalam talian. Perbezaan seterusnya ialah LMS sebagai tempat untuk melakukan sebagai ujian atau tugas yang telah diberikan oleh pengajar manakala CMS merupakan tempat untuk menilai kemajuan pelajar setelah pengajar memberi sebarang tugas.